

PM: Surat mohon maaf Indonesia belum diterima

KUALA LUMPUR 23 Jan. — Kerajaan sehingga kini belum menerima surat permohonan maaf rasmi daripada pemerintah Indonesia berhubung kejadian rusuhan yang dicetuskan oleh 500 warganya di sebuah kilang di Nilai, Negeri Sembilan, Khamis lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu, beliau juga tidak tahu-menahu mengenai kehadiran dua pegawai tinggi Indonesia di negara ini untuk membantu menyelesaikan kes itu, seperti dilaporkan oleh media.

“Setahu saya, saya tidak melihatnya (surat permohonan maaf). (Menteri Luar) Datuk Seri Syed Hamid Albar pun tidak memaklumkan kepada saya apa-apa, jadi kesimpulan kita tidak menerima (surat permohonan maaf),” katanya.

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata demikian pada sidang akhbar selepas mesyuarat Dewan Tertinggi BN, di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas kenyataan Menteri Sumber Manusia dan Transmigrasi Indonesia,

Jacob Nuwa Wea, yang memohon maaf kepada kerajaan Malaysia bagi pihak kerajaannya, berhubung kejadian rusuhan itu.

Jacob berkata, kerajaan Indonesia berasa malu dengan kejadian itu dan akan menghantar sekumpulan pakar undang-undang untuk menyiasat penahanan pekerja negara itu yang terlibat dalam rusuhan tersebut.

Mengulas perkara itu, Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, beliau tidak tahu mengenainya.